



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH

JAMILAH BINTI AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN PEMBELAJARAN
KOPERATIF DALAM MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH
MENENGAH

JAMILAH BINTI AHMAD

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9 Ogos 2022

Student' Declaration:

Saya, JAMILAH BINTI AHMAD, M20181001062 FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya NORHISHAM BIN MOHAMAD dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM.

9 Ogos 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيٲى فنډيديقن سلطان اڤريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN PEMBELAJARAN
KOPERATIF DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric's No.: M20181001062

Saya / I: JAMILAH BINTI AHMAD
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (~~Doktor Falsafah~~/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT / CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD / RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 9 Ogos 2022

DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas perkenan dan rahmat-Nya mengurniakan kesihatan yang berterusan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini untuk memenuhi keperluan bagi ijazah sarjana. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan tidak terhingga kepada penyelia Dr. Norhisham Bin Mohamad serta penilai- penilai atas bimbingan yang berterusan tanpa mengira penat dan jemu. Saya amat berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menaja biasiswa saya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada semua pensyarah di Jabatan Pengajian Islam (JPI) Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di atas segala tunjuk ajar yang diberikan selama ini atas dorongan dan sokongan moral yang diberikan dalam proses menyiapkan tesis ini. Penghargaan tidak terhingga buat almarhum bapa saya Haji Ahmad bin Jamaluddin, ibu saya yang disayangi dan dihormati Puan Hajjah Hamisah Binti Dali, suami tercinta Ali Osman Bin Idris dan anak-anak permata hati Ali Nukman dan Alia Nuwaira yang tidak jemu memberi dorongan dan motivasi, adik beradik saya dan sahabat seperjuangan kerana telah banyak berkorban dengan penuh kesabaran dan memberi sokongan moral sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Akhir kata, saya berdoa agar semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ini dianugerahkan berkat dan rahmat dari Allah Taala.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi guru pendidikan Islam berkaitan pengetahuan, kemahiran dan amalan serta hubungan antara tiga pembolehubah tersebut dalam pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif sekolah menengah. Rekabentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan (survey). Instrumen soal selidik mengandungi 45 soalan digunakan dengan melibatkan 141 orang guru pendidikan Islam daerah Gombak, Selangor. Kaedah persampelan rawak mudah dipilih untuk menentukan responden dalam kajian ini. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 25.0. Analisis deskriptif min, peratusan dan sisihan piawai digunakan untuk memberi penjelasan berkaitan tahap persepsi guru terhadap tiga pembolehubah iaitu pengetahuan, kemahiran dan amalan GPI. Manakala ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara pembolehubah tersebut. Dapatan kajian menunjukkan persepsi guru terhadap pengetahuan, kemahiran dan amalan pada tahap yang tinggi dengan nilai pembolehubah pengetahuan (min = 3.98, $p = .042$), kemahiran (min = 3.68, $p = .450$), dan amalan (min = 3.88, $p = .037$). Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah pengetahuan dan kemahiran dengan nilai ($r = .583$, $p = .000$), manakala nilai ($r = .687$, $p = .000$) merupakan nilai kekuatan hubungan antara pembolehubah kemahiran dengan amalan. Nilai ini menunjukkan kekuatan hubungan positif antara pembolehubah adalah tinggi. Kesimpulannya, pengetahuan dan kemahiran guru berkaitan pembelajaran koperatif dapat membantu pelaksanaan kaedah ini dengan berkesan dalam bilik darjah. Oleh itu, kaedah pengajaran yang mengetengahkan pelbagai bentuk aktiviti pengajaran ini dapat digunakan oleh guru supaya PdPc menjadi lebih menarik dan berkesan bagi meningkatkan lagi kefahaman murid dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

COOPERATIVE LEARNING BASED TEACHING PRACTICES IN SECONDARY SCHOOL ISLAMIC EDUCATION SUBJECTS

ABSTRACT

This study aims to identify the level of perception of Islamic education teachers related to knowledge, skills and practices as well as the relationship between the three variables in teaching based on cooperative learning in secondary schools. The design of this study uses a quantitative approach with survey method (survey). The questionnaire instrument contains 45 questions used involving 141 Islamic education teachers in Gombak, Selangor. A simple random sampling method was chosen to determine the respondents in this study. The collected data were analyzed using SPSS software version 25.0. Descriptive analysis of mean, percentage and standard deviation was used to provide an explanation related to the level of teachers' perception of three variables, namely knowledge, skills and practice of GPI. While Pearson Correlation test is used to determine the relationship between the variables. The findings of the study showed that teachers' perceptions of knowledge, skills and practice at a high level with the value of the variables knowledge (mean = 3.98, $p = .042$), skills (mean = 3.68, $p = .450$), and practice (mean = 3.88, $p = .037$). Pearson correlation analysis showed that there was a significant relationship between knowledge and skills variables with value ($r = .583$, $p = .000$), while value ($r = .687$, $p = .000$) was the strength value of relationship between skills and practice variables. This value indicates the strength of the positive relationship between the variables is high. In conclusion, teachers' knowledge and skills related to cooperative learning can help the implementation of this method effectively in the classroom. Therefore, teaching methods that highlight various forms of teaching activities can be used by teachers so that PdPc becomes more interesting and effective to further enhance students' understanding of Islamic education subjects.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vi
------------------	----

SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xv
--------------------------	----

BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	5
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Persoalan Kajian	13
	1.6 Hipotesis Kajian	13



1.7	Kerangka Teori Kajian	14
1.7.1	Biodata Imam Abu Hanifah	14
1.7.2	Teori Pendidikan Imam Abu Hanifah	17
1.7.3	Model Pembelajaran Kooperatif Slavin	22
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.9	Kepentingan Kajian	24
1.10	Batasan Kajian	25
1.11	Definisi Operasi Kajian	26
1.11.1	Pembelajaran Kooperatif	26
1.11.2	Pengetahuan	27
1.11.3	Kemahiran	29
1.11.4	Amalan	30
1.12	Penutup	30

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 31

2.1	Pengenalan	31
2.2	Pembelajaran Kooperatif	31
2.3	Prinsip Pembelajaran Kooperatif	34
2.3.1	Kebergantungan Positif (Positive interdependence)	34
2.3.2	Akauntabiliti Individu (Individual accountability)	35
2.3.3	Interaksi bersemuka (Face-to-face promotive interaction)	36
2.3.4	Penggunaan Kemahiran Sosial	36

2.3.5	Proses Berkumpulan	37
2.4	Ciri-ciri Pembelajaran Kooperatif	37
2.5	Modifikasi Pembelajaran Kooperatif	38
2.5.1	“Round Robin”	39
2.5.2	“Three Step Interview” (Tiga langkah temubual)	40
2.5.3	“Think -Pair- Shair” (Berfikir-Berkongsi-Berpasangan)	41
2.5.4	“Team Word – Webbing” (Kumpulan kata – Jaringan)	42
2.5.5	“Fan n Pick”	42
2.5.6	“Share n Turn”	44
2.5.7	“Gallery Walk”	42
2.5.8	Menyoal dan Bimbing	44
2.5.9	“Idea Rush”	45
2.5.10	Student Team – Achievement Division (STAD)	46
2.5.11	Team-Games-Tournament (TGT)	46
2.5.12	Jigsaw II	47
2.6	Kelebihan Pembelajaran Kooperatif	49
2.7	Kajian Berkaitan Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Guru dalam Pembelajaran Kooperatif.	52
2.7.1	Pengetahuan Guru	52
2.7.2	Kemahiran Guru	55
2.7.3	Amalan Guru	56
2.8	Kesimpulan	58

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	60
3.1	Pengenalan	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Populasi	63
3.4	Sampel dan Kaedah Persampelan	64
3.5	Tatacara Kajian	66
3.6	Instrumen Kajian	67
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	69
3.7.1	Kesahan Instrumen	69
3.7.2	Kajian Rintis	71
3.7.3	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	72
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	73
3.9	Prosedur Penganalisaan Data	76
3.9.1	Analisis Deskriptif	76
3.9.2	Analisis Inferensi	77
3.10	Penutup	78
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	79
4.1	Pendahuluan	79
4.2	Latarbelakang Sampel Kajian	80
4.2.1	Latar Belakang Respoden	81
4.3	Analisis Deskriptif	82

4.3.1	Persepsi Guru Terhadap Pengetahuan Pengajaran Berasaskan Pembelajaran Koperatif.	83
4.3.2	Persepsi Guru Terhadap Kemahiran Pengajaran Berasaskan Pembelajaran Koperatif.	88
4.3.3	Persepsi Guru Terhadap Amalan Pengajaran Berasaskan Pembelajaran Koperatif.	92
4.4	Analisis Inferensi	97
4.4.1	Hubungan Pengetahuan dan Kemahiran dengan Amalan Guru Berasaskan Pembelajaran Koperatif.	97
4.5	Penutup	100

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN 101

5.1	Pengenalan	101
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	102
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	103
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	104
5.4.1	Persepsi Guru terhadap Pengetahuan dalam Pengajaran Berasaskan Pembelajaran Koperatif.	105
5.4.2	Persepsi Guru terhadap Kemahiran dalam Pengajaran Berasaskan Pembelajaran Koperatif.	111
5.4.3	Persepsi Guru terhadap Amalan dalam Pengajaran Berasaskan Pembelajaran Koperatif.	117
5.4.4	Hubungan antara Pengetahuan dan kemahiran dengan Amalan Guru.	122
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	124
5.5.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	124
5.5.2	Guru Pendidikan Islam	126

5.5.3	Murid	127
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	128
5.7	Penutup	129
RUJUKAN		131
LAMPIRAN		147

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Saiz Populasi GPI Daerah Gombak Selangor	63
3.2	Klafisikasi Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha	73
3.3	Nilai Kebolehpercayaan bagi Setiap Pembolehubah Soal Selidik Kajian	73
3.4	Interpretasi Skor Min Dapatan Deskriptif Statistik.	77
3.5	Skala Davies bagi Kekuatan Korelasi Antara Dua Pemboleh Ubah	78
4.1	Latar Belakang Responden	81
4.2	Respon Guru-Guru Pendidikan Islam bagi Item Pengetahuan	83
4.3	Respon Guru-Guru Pendidikan Islam bagi Item Kemahiran	88
4.4	Respon Guru-Guru Pendidikan Islam bagi Item Amalan	93
4.5	Analisis Deskriptif Keseluruhan	97
4.6	Analisis Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Guru Pendidikan Islam.	98
4.7	Analisis Hubungan antara Kemahiran dengan Amalan Guru Pendidikan Islam.	99

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Model Pendidikan Imam Abu Hanifah.	19
1.2 Model Pembelajaran Koperatif Slavin.	22
1.3 Kerangka Konseptual Kajian.	23
3.1 Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data Borang Soal Selidik.	75

SENARAI SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FSK	Fakulti Sains Kemanusiaan
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	Guru Pendidikan Islam
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IPS	Institut Pengajian Siswazah
JPI	Jabatan Pengajian Islam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah



PAK 21	Pembelajaran Abad Ke 21
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SAW	Sallallahu Aalaihi Wassallam
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
SWT	Subhanahu wa Taala.
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Panel Pakar Penilai Intrumen
- C Surat Permohonan
- D Surat Kebenaran
- E Analisis Kebolehpercayaan
- F Analisis Deskriptif

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengajaran pendidikan Islam disampaikan kepada manusia dengan kepelbagaian kaedah yang telah digunakan sejak zaman Rasulullah S.A.W. Kaedah pengajaran tersebut merupakan kaedah yang telah lama digunakan antaranya talaqqi dan musyafahah, kaedah soal jawab antara guru dan murid, bercerita, peringatan, nasihat, kuliah dan dialog yang digunakan ketika baginda menyampaikan sesuatu ilmu kepada para sahabat. Kehebatan Rasulullah S.A.W dalam menyampaikan pengetahuan berupaya mengeluarkan manusia daripada kejahilan dan menjadikan umat yang terbaik yang dirakamkan dalam surah Ali Imran yang bermaksud: “Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia. ‘Suruhlah kepada kebaikan dan cegahlah kepada kemungkaran dan berimanlah kepada Allah S.W.T” (Ali Imran : 4 :110).

Keberkesanan pengajaran Nabi Muhammad S.A.W telah dapat membimbing manusia menjadi insan yang berilmu, beriman dan bertaqwa. Ini membuktikan bahawa,



bermula dari kedatangan agama Islam sehingga akhir zaman, Rasulullah S.A.W merupakan contoh tauladan dan model yang unggul dalam dunia pendidikan Islam (Abd Fattah Abu Ghuddah, 2001; Razali Saaran, 2010; Said Hawa, 1990).

Perkembangan sistem pendidikan Islam di Malaysia menurut Abdul Halim Mat Diah (1989) dapat dilihat pada sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan Sultan Melaka pertama iaitu Parameswara dikenali sebagai Megat Iskandar Syah yang memeluk agama Islam pada tahun 1414 masihi diikuti dengan pengislaman semua para pembesar dan pemerintah pada ketika itu. Maka bermulalah aktiviti pengajaran pendidikan Islam dengan pengajaran Al-Quran yang diadakan di rumah-rumah, masjid-masjid, surau-surau dan istana. Galakan untuk mempelajari pendidikan Islam diperluaskan kepada golongan rakyat dengan memberi penekanan kepada amalan dalam bulan Ramadhan. Sistem pengajaran pendidikan Islam pada waktu tersebut walaupun tidak dilaksanakan secara formal tetapi telah dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran membaca Al-Quran dalam kalangan masyarakat muslim (Abdul Halim Mat Diah, 1989).

Oleh itu, Melaka menjadi terkenal dalam sejarah melayu sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan Islam, namun terdapat juga negeri-negeri lain di Tanah Melayu yang menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan agama bahkan menjadi tumpuan sebagai pusat mempelajari Islam. Negeri-negeri tersebut ialah Pahang, Johor, Bentan, Bangkalis dan Gugusan Pulau-Pulau Melayu yang lain. Negeri-negeri ini turut terkenal dalam kalangan masyarakat setempat lebih-lebih lagi pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah (1459-1477). Manakala struktur kurikulum yang diterapkan dalam mempelajari ilmu pengetahuan melalui kaedah pengajaran yang dilaksanakan pada zaman rasulullah S.A.W (Abdullah Ishak, 1995).





Kini pendidikan Islam diajar di sekolah secara formal dengan penerapan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai. Dengan kepelbagaian kaedah ini diharapkan dapat memenuhi aspirasi negara untuk melahirkan insan yang berilmu, beriman, berketrampilan, berakhlak mulia dan beramal soleh berdasarkan Al- Quran dan Al- Sunnah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001). Aspirasi ini turut diteruskan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) untuk memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) agar kualiti yang dilaksanakan di sekolah menengah setaraf dengan kurikulum antarabangsa. KSSM pendidikan Islam memfokuskan kepada penerapan dalam aspek amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Adalah menjadi harapan melalui matapelajaran KSSM Pendidikan Islam yang baru dilaksanakan dengan penambahbaikan intipati kurikulumnya dapat melahirkan murid yang berpengetahuan, memahami agama dengan kefahaman yang benar, beramal dengan ilmu yang dipelajari dan difahami seterusnya menghayati Islam secara menyeluruh, istiqamah dan boleh menjadi tauladan dan ikutan.

Hal ini dapat direalisasikan dengan penerapan pengajaran berpusatkan murid. Pengajaran berunsurkan elemen berpusatkan murid antaranya adalah pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif. Pembelajaran koperatif merupakan kaedah pengajaran yang sering digunakan dan dibincangkan oleh pelbagai pihak sama ada dalam kalangan guru, pensyarah, penyelidik mahupun di peringkat penggubal dasar seperti Kementerian Pendidikan dan Institusi Pengajian Tinggi (Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hani Najwa, 2015).



Walaupun prinsip pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif ini diperkenalkan oleh sarjana barat sekitar tahun 1970, tetapi Islam tidak meminggir dan menolak perkembangan untuk menghasilkan kaedah pendidikan yang terbaik. Ini kerana pendekatan ini meluas digunakan dalam kalangan pendidik sebagai kaedah pengajaran yang menarik (Kamarul Azmi Jasmi & Ab.Halim Tamuri, 2007). Beberapa faktor yang menyumbang kepada penggunaan pembelajaran koperatif secara meluas pertamanya, pembelajaran koperatif adalah pembelajaran yang bersandarkan kepada teori pembelajaran yang jelas. Pembelajaran koperatif mempunyai sandaran yang kukuh berdasarkan teori pembelajaran termasuk sosiologi (Coleman, 1961) dan ekonomi (Von Mises, 1949).

Penggunaan pembelajaran koperatif sebagai satu pendekatan pengajaran yang berkesan (Kagan, 1992) juga telah dipersetujui lebih dari 900 penyelidikan yang dilakukan oleh ahli akademik menjadi faktor yang kedua kepada penggunaan pembelajaran koperatif dalam bidang pendidikan secara meluas. Manakala faktor yang ketiga ialah terdapat pelbagai kaedah pembelajaran koperatif yang sedia ada dan ia sangat bersesuaian untuk digunakan dalam bilik darjah . Bahkan pembelajaran koperatif sangat bertepatan dan sesuai diimplementasikan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam abad ke-21.

Hal ini juga telah dikenalpasti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai kemahiran yang bersesuaian dengan pembelajaran abad ke-21. Kemahiran yang diterapkan kepada murid melalui kaedah ini sesuai dengan konteks warga Malaysia supaya murid dapat menyediakan diri untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Justeru itu guru-guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 seperti kemahiran teknologi dan multimedia, pembelajaran dan inovasi,



informasi maklumat dan kemahiran hidup dan kerjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

1.2 Latar Belakang Kajian

Melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual merupakan apa yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara. Dan matapelajaran pendidikan Islam tidak terkecuali untuk sama-sama merealisasikan apa yang terkandung dalam falsafah ini. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam bilik darjah mestilah sesuatu yang dapat memberi impak kepada pembinaan tingkah laku dan akhlak murid sejajar dengan anjakan ke sepuluh transformasi sistem dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Salah satu usaha dalam melahirkan murid yang bertanggungjawab dan menghayati akhlak mulia dan nilai - nilai murni ialah melalui penerapan pembelajaran koperatif dalam bilik darjah. Pembelajaran koperatif merupakan inovasi dalam pembelajaran yang dapat membantu guru dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Ini kerana tugas utama seorang guru pendidikan Islam dalam pengajarannya mestilah sentiasa kreatif dan berinovasi supaya PdPc yang menarik dapat dibudayakan. (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri 2007). Aspek PdPc dalam bilik darjah menekankan kolaborasi antara guru dan murid (Kamarul Azmi Jasmi, Osmawadi Talip & Mohd Faez Ilias, 2012). Oleh itu, guru dan murid mestilah berperanan dengan



peranan masing-masing supaya sesuatu objektif pelajaran dapat dicapai melalui proses PdPc yang menarik dan berkesan. Namun, menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab.Halim Tamuri (2007) istilah “berkesan” dan “menarik” sukar diberi makna dengan tepat kerana ianya tidak sama mengikut situasi dan pandangan seseorang.

Prinsip pertama dalam pembelajaran koperatif ialah bertunjangkan pembelajaran berkumpulan yang terdiri dari kumpulan yang bersaiz kecil. Kumpulan ini boleh terdiri sama ada tiga atau empat orang ahli (Slavin, 1995). Ismail Said (2009) menyatakan bahawa menurut Pencer Kagan & Johnson & Johnson telah menentukan prinsip kedua dalam pelaksanaan pembelajaran koperatif ialah nilai kebertanggungjawaban individu. Ada dua kriteria yang perlu dipatuhi oleh pelajar dalam prinsip kedua ini. Kriteria pertama ialah masalah dan tugas yang dihadapi dalam kumpulan mestilah diselesaikan oleh setiap individu ahli di dalam kumpulan. Manakala kriteria kedua ialah kesedaran bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab. Dan sikap tanggungjawab itu menjadi asas penting kepada pembelajaran koperatif dan dikaitkan dengan tingkahlaku yang positif.

Justeru itu, penguasaan berkaitan dengan pedagogi koperatif perlu dipandang serius kerana kemahiran guru juga mesti berkembang sejajar dengan peredaran teknologi dan inovasi dalam pendidikan. Bahkan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kini memerlukan guru yang kreatif, kolaboratif dan koperatif semasa mengajar. Ini kerana kaedah pengajaran berasaskan koperatif banyak memberi peluang kepada penglibatan murid dalam proses pembelajaran mereka. Kajian ini menekankan kepada penggunaan konsep pembelajaran koperatif yang digunakan oleh guru mengikut kesesuaian murid.



1.3 Penyataan Masalah

Pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif dalam subjek pendidikan Islam merupakan langkah untuk menjadikan subjek pendidikan Islam sebagai subjek yang menyeronokkan dan diminati. Menurut Fauziah Md Jaafar et al. 2017, dalam mempraktikkan kaedah koperatif, kepentingan seseorang guru menjalankan tugas dan peranannya dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan bersesuaian dengan keadaan semasa hari ini. Maka penguasaan guru dari segi pengetahuan dan pedagogi yang tinggi perlu diberi perhatian supaya ia dapat meningkatkan aplikasi dan amalan guru dalam pengajaran menggunakan kaedah ini (Aimi Hafizah Fadzilah, 2017). Ini turut diakui oleh Bhavani & Zamri Mahamod (2017) yang menekankan bahawa guru perlu sentiasa menjalani latihan dan perkembangan profesional yang berterusan. Dengan latihan dan kursus ini guru ini akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif yang sesuai untuk diaplikasikan dalam bilik darjah.

Apabila guru tidak menguasai pengetahuan dan kemahiran berkaitan pedagogi dalam pengajaran, maka perancangan berkaitan pengajaran tidak dapat disusun dengan teliti dan sempurna kerana perancangan memerlukan pengetahuan berkaitan langkah, strategi, teknik dan pendekatan yang sesuai supaya apa yang diajar dapat berjalan dengan sempurna dan berkesan. Zakaria Abdullah (2011) mendapati bahawa masalah paling besar ialah guru-guru pendidikan Islam sangat kurang menjalani latihan berkaitan pedagogi. Ini menyebabkan guru kurang pengetahuan dan kesedaran tentang potensi pembelajaran berasaskan kumpulan yang boleh diaplikasi dalam pengajaran pendidikan Islam.





Hal ini turut dinyatakan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010) bahawa guru pendidikan Islam perlu meningkatkan pengetahuan diri mereka seperti berusaha mencari info berkaitan pedagogi terkini supaya mereka tidak berada di kaedah pengajaran yang lama. Dalam kajian Salha Mohamed Hussain (2014), mendapati terdapat guru yang masih selesa melaksanakan kaedah pengajaran tradisional disamping memberi tumpuan kepada kaedah dan teknik menjawab soalan peperiksaan. Menurut Ismun Ali (2021), guru pendidikan Islam perlu mengurangkan kaedah ceramah dan meningkatkan penggunaan kaedah yang melibatkan penglibatan aktif murid dalam PdPc.

Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Zanaton Iksan, Mohd Noor Saper dan Zetty Nurzuliana Rashed (2016) mendapati penguasaan GPI dalam bidang sains moden sangat kurang dan penguasaan terhadap ilmu teknologi maklumat dan komunikasi berada pada tahap sederhana (Ab. Halim Tamuri et al. 2016). Guru juga sibuk mengendalikan kelas peperiksaan (Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Mohd Faez Ilias, 2014), menulis laporan dan dokumentasi Pentaksiran Berasaskan sekolah (PBS) (Anom, 2015) atau guru terlalu menumpukan kepada cara untuk mengajar dengan cepat supaya dapat menghabiskan silibus pelajaran dan dapat melatih murid menjawab peperiksaan tanpa memberi tumpuan dan perhatian kepada pengetahuan berkaitan kaedah pengajaran yang pelbagai (Zamri Mahamod, 2015).

Manakala dari sudut kemahiran GPI pula, mereka kurang mahir dan tidak kreatif dalam pengajaran, masih memerlukan bimbingan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran supaya kemahiran pedagogi mereka dapat ditingkatkan. Malah mendominasi penggunaan pendekatan "*chalk and talk*" serta terlalu "*text book centered*" dan amat kurang sekali menggunakan pendekatan pengajaran yang terbaru





(Kamarul Azmi Jasmi, 2010). GPI juga dianggap sukar menarik minat murid dalam pengajaran Tilawah al-Quran, Akidah, Sirah dan Tamadun. Mereka masih belum kreatif dalam menggunakan bahan pengajaran dan pendekatan pengajaran malah tahap pengajaran mereka masih di tahap sederhana (Mohd Aderi Che Noh, Mohd Sofian Mat Ludin & Asmawati Suhid, 2013). Kajian Ahmad Fauzi (2017), mendapati guru pendidikan Islam masih menggunakan kaedah menghafal tanpa memahami fakta sirah. Ini menyebabkan guru tidak dapat melaksanakan pengajaran berasaskan murid .

Seterusnya menurut Khairunnisa Hamid et al. (2015), guru yang lemah dalam kemahiran penyampaian disebabkan mempunyai pengetahuan yang terbatas berkaitan kaedah dan teknik pengajaran menyebabkan murid tidak dapat memahami pelajaran. Penelitian yang dibuat berdasarkan kajian Abdull Sukor Shaari et al. (2016) mendapati masih ramai guru pelatih yang menjalani latihan praktikum yang mengamalkan pembelajaran berpusatkan guru. Manakalah hasil penelitian Norma Jusof dan Mohd Isa Hamzah (2020) mendapati akan berlaku kegagalan dalam aspek kurikulum apabila aspek kemahiran guru tidak diberi penekanan dengan sewajarnya. Penguasaan yang sederhana dalam kemahiran pedagogi yang pelbagai perlu ditingkatkan supaya objektif pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkat secara optimum dan berkesan.

Manakala dari segi amalan pengajaran GPI, mereka lebih banyak menggunakan kaedah syarahan atau kuliah dalam penyampaian berkaitan isi kandungan pelajaran yang diajar dan tidak melibatkan murid secara aktif dalam bilik darjah. Guru juga tidak menggunakan kaedah berpusatkan murid tetapi lebih tertumpu kepada kaedah berpusatkan guru. Menurut (Kamarul Azmi Jasmi, 2010) pengkaedah guru ini perlu diperbaiki supaya pengajaran guru lebih berkesan dan menarik. Dapatan kajian Mohd Yusof Dagang (2016) juga mendapati kreativiti pengajaran GPI berada pada tahap





sederhana. Kajian ini disokong dengan kajian Bhavani & Zamri Mahamod (2017) bahawa guru masih mengamalkan pembelajaran berpusatkan guru berbanding pembelajaran berpusatkan murid.

Apabila aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan guru tidak menarik, menghadkan penglibatan murid dan membosankan maka ia menjadi penyebab kepada perlakuan bermasalah yang dilakukan oleh murid dalam bilik darjah (Zamri Mahamod, 2015). Ini kerana permasalahan bosan terhadap pengajaran guru membawa kepada permasalahan tingkah laku negatif dalam bilik darjah. Permasalahan disiplin, tingkahlaku negatif dan gangguan dalam bilik darjah adalah berpunca daripada penyampaian guru yang dingin dan tidak menarik. Kaedah pengajaran yang kurang melibatkan penglibatan murid ini tidak dapat mengembangkan potensi diri mereka, mengurangkan keyakinan diri murid dan menghadkan kebolehan murid dalam mengutarakan pendapat sendiri serta tidak mampu memberi kesimpulan terhadap isi pelajaran yang dipelajari (Rosni Samah, 2009). Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru untuk memikirkan kaedah mengajar yang lebih kreatif dan mampu menarik minat mereka semasa pelaksanaan PdPc dalam bilik darjah (Jamaliah Abidin & Hafizhah Zulkifli, 2021).

Selain itu, kaedah pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif menurut Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad (2017) merupakan kaedah paling asas yang berkesan dalam menerapkan kemahiran abad ke-21 seperti memupuk sikap bertanggungjawab, saling bantu membantu, kemahiran interaksi dan kemahiran sosial dalam kalangan pelajar. Namun GPI masih kurang mengamalkan ciri-ciri profesionalisme dalam kaedah pengajaran. Cara guru pendidikan Islam mengajar dianggap sebagai penyebab kepada punca murid tidak dapat membina ciri-ciri positif





dan jati diri mereka (Mohd Kamal Hassan, 2012). Ab. Halim Tamuri et al. (2016) mendapati penguasaan ilmu pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran yang lemah adalah menjadi penyebab kepada kualiti guru pendidikan Islam yang kurang memuaskan. Kegagalan guru dalam menyesuaikan kaedah pengajarannya dengan realiti kehidupan tidak akan dapat merangsang penglibatan murid kerana perkara tersebut tidak dapat memberi kesan kepada dirinya (Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir, 2017).

Selain itu, kajian penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam matapelajaran pendidikan Islam kurang dijalankan di Malaysia. Kebanyakan kajian mengenai pembelajaran koperatif tertumpu kepada kajian keberkesanan kaedah tersebut dalam meningkatkan penguasaan, pencapaian, motivasi dan minat dalam matapelajaran selain pendidikan Islam. Hal demikian kerana, kebanyakan kajian mengenai kaedah pembelajaran koperatif berbentuk eksperimen di Malaysia adalah tertumpu dalam matapelajaran Perakaunan (Suhaida Abdul Kadir, et al. 2006), Biologi (Rabaatul Adawiah Sulaiman, 2008); (Hayati Mohd Arsyad, 2008), Matematik (Effandi Zakaria, Lu Chung Chin dan Md Yusoff Daud, 2010), Kajian Sosial (Muhammad Ikbil Majoka, Muhammad Saeed dan Syed Iftikar, 2011), Kimia (Yeo Chong Eu, 2011), Teknikal dan Vokasional (Umi Kalthom & Ahmad Esa, 2014); (Aimi Hafizah Fadzilah, 2017), Bahasa Melayu (Salha Mohamed Hussain, 2014); Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod, 2017) dan jawi (Fauziah Md Jaafar, et al. 2017). Namun begitu terdapat juga kajian yang dijalankan menunjukkan ketidak keberkesanan kaedah pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif ke atas akademik murid dalam matapelajaran Kajian Sosial (Qaisara Parveen, et al. 2011) dan Kimia (Gul Nazir Khan





dan Hafiz Muhammad Inamullah (2011). Hal ini menunjukkan kajian dalam matapelajaran pendidikan Islam sangat kurang dilakukan.

Oleh itu, sebagai satu inisiatif untuk meninjau dan meningkatkan kaedah pengajaran guru pendidikan Islam dengan merujuk dan meneliti daripada kajian-kajian lepas, maka wajarlah untuk pengkaji mengkaji kajian ini supaya gambaran tentang amalan pengajaran berasaskan pembelajaran Koperatif dalam matapelajaran pendidikan Islam di sekolah menengah dapat dinilai dan direkodkan dapatan statistiknya.

1.4 Objektif Kajian



Berikut adalah objektif kajian yang digariskan :

- i. Menenalpasti persepsi guru terhadap pengetahuan yang berkaitan pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif.
- ii. Menenalpasti persepsi guru terhadap kemahiran yang berkaitan pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif.
- iii. Menenalpasti persepsi guru terhadap amalan yang berkaitan pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif .
- iv. Menganalisis hubungan pengetahuan dengan amalan dalam pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif.
- v. Menganalisis hubungan kemahiran pedagogi dengan amalan dalam pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif.



1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah persepsi guru terhadap pengetahuan dalam pengajaran yang dilaksanakan berasaskan pembelajaran koperatif?
- ii. Apakah persepsi guru terhadap kemahiran pedagogi dalam pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif?
- iii. Apakah persepsi guru terhadap amalan dalam pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif?
- iv. Sejauh manakah hubungan pengetahuan dengan amalan dalam pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif?
- v. Sejauh manakah hubungan kemahiran pedagogi dengan amalan dalam pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif?

1.6 Hipotesis Kajian

Analisis secara inferensi juga dilaksanakan dengan hipotesis berikut disamping mengkaji persepsi pengetahuan, kemahiran dan amalan guru dalam pengajaran berasaskan pembelajaran secara deskriptif:

H_o^1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pengetahuan guru dengan amalan guru dalam melaksanakan pengajaran berasaskan pembelajaran Koperatif.

H_o^2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi kemahiran guru dengan amalan guru dalam melaksanakan pengajaran berasaskan pembelajaran Koperatif.



1.7 Kerangka Teori Kajian

Amalan pengajaran berkesan sangat berkait rapat dengan penguasaan ilmu dan kemahiran dalam penyampaian sesuatu sesi pengajaran. Tujuannya supaya dapat memaksimumkan penglibatan dan keupayaan murid menguasai pelajaran yang diajar. Berdasarkan objektif dan persoalan kajian ini pengkaji menggunakan teori pengajaran Imam Abu Hanifah sebagai kerangka teori asas kajian kerana teori pengajaran Imam Abu Hanifah menepati pembolehubah yang sesuai dengan kajian.

Perbincangan mengenai kerangka teori kajian dimulai dengan pengenalan kepada biodata Imam Abu Hanifah yang terkenal dengan penulisan buku antara beliau dan anak muridnya al Alim wa al Mutaallim (Mohd Anuar Mamat, 2016). Seterusnya, perbincangan mengenai model pembelajaran koperatif sebagai kerangka teori yang melengkapkan penggunaan kaedah pengajaran dalam kajian. Akhirnya perbincangan tentang pembentukan kerangka konseptual yang membincangkan setiap pembolehubah untuk menjawab semua persoalan kajian yang dikemukakan.

1.7.1 Biodata Imam Abu Hanifah

Nama sebenar Imam Abu Hanifah ialah Nu'man bin Thabit. Asal keturunan daripada bangsa Parsi. Beliau dilahirkan pada tahun 80 hijrah bersamaan 699 Masihi semasa zaman khalifah Abd al-Malik bin Marwan dan meninggal dunia di Baghdad pada tahun 150H/767M ketika berumur 70 tahun (Mohd Anuar & Wan Suhaimi, 2010; Mohd Anuar, 2013; 2016). Imam Abu Hanifah atau gelarannya ialah Abu Hanifah al-Nu'man.





Gelaran Abu Hanifah disebabkan beliau sering menggunakan sejenis dakwat yang dipanggil “*Hanifah*” dalam bahasa Iraq. Imam Abu Hanifah dilahirkan dalam latar belakang keluarga yang sangat berpegang kuat dengan prinsip agama. Ini mendorong beliau mendapat pendidikan agama sejak kecil lagi (Ahmad Akram Mahmad Robbi, 2019).

Kehidupan latar persekitaran Imam Abu Hanifah adalah di Kufah. Kufah merupakan sebuah bandar besar dan terpenting di Iraq. Pada zaman sebelum kedatangan agama Islam, Iraq merupakan sebuah negeri yang didiami oleh penduduk yang majmuk, menganuti pelbagai agama, aliran dan tamadun bangsa-bangsa terdahulu. Antaranya golongan Siryani, Parsi, Rom, Hindi dan Arab. Kepelbagaian bangsa dan etnik ini menimbulkan pertembungan dan perpecahan antara mereka.

Setelah kedatangan agama yang dibawa oleh para sahabat Nabi S.A.W dan tabii'n, kufah menjadi pusat perkembangan dakwah dan pendidikan yang pesat terutamanya selepas Saidina Ali bin Abi Talib menjadikan Kufah sebagai pusat pemerintahan beliau (Abu Zahrah, 1997).

Sistem pendidikan pada zaman Imam Abu Hanifah adalah berdasarkan sistem *talaqqi*, *istima'* dan hafazan yang dilaksanakan dalam pengajian tertentu. Para *fuqaha* akan mengumpul dan menyusun fatwa untuk dijadikan teladan dalam pengeluaran hukum (*istinbat*) semasa mengkaji permasalahan yang timbul. Imam Abu Hanifah tidak terkecuali turut mengumpul dan menyalin semula pemikiran dan fatwa para *Qadi* Kufah (Abu Zahrah, 1997). Imam Abu Hanifah juga sering bermusafir demi mempertahankan agama untuk berdebat dengan puak Syiah, Khawarij dan Muktazilah.



Kehidupan Imam Abu Hanifah dalam latar persekitaran sebegini mendorong beliau menjadi seorang yang pintar kerana mempunyai peluang untuk menuntut ilmu dengan ramai murid sahabat nabi S.A.W dan berinteraksi secara langsung dengan kepelbagaian yang wujud (Mohd Anuar Mamat, 2016). Imam Abu Hanifah mengambil peluang keemasan ini untuk menambah pengetahuan dalam penguasaan pelbagai ilmu yang dapat membentuk dan membina pemikiran beliau yang kreatif dan kritis. Perdebatan ulamak berkaitan ilmu kalam atau akidah dapat mengasah minda beliau dengan menggunakan ilmu mantiq dan akal yang tinggi. Di samping itu, Kufah pada ketika itu merupakan antara tempat bagi fuqaha'. Imam Abu Hanifah menyatakan:

لَقَدْ تَعَفَيْ مَعْدِنَ الْإِسْلَامِ وَلَقَدْ فَتَّجَلَسْتُ أَيْهَ , وَلَزِمْتُ تَفَقُّهَ مَنْ فَقَّحَهُمْ

Terjemahan: Aku berada dalam lingkungan ilmu dan fiqh, maka aku mengambil manfaat daripada mereka dengan melazimi para ulama' mereka (Abu Zahrah, 1997).

Selama 18 tahun Imam Abu Hanifah menghadiri halaqah ilmu gurunya iaitu Imam Hammad. Setelah gurunya meninggal dunia pada tahun 120H/737M barulah Imam Abu Hanifah terlibat dengan bidang pendidikan. Pada ketika itu beliau berumur 40 tahun. Imam Abu Hanifah mengambil peluang menggantikan gurunya Imam Hammad sebagai tenaga pengajar kerana Imam Hammad bermusafir ke Basrah. Pada ketika itulah Imam Abu Hanifah menimba pengalaman sebagai pendidik. Penglibatan beliau dalam pendidikan berdasarkan jumlah muridnya yang ramai daripada pelbagai lapangan. Murid Imam Abu Hanifah yang datang dari pelbagai tempat dan kawasan dan mereka bermusafir semata-mata untuk mempelajari ilmu pengetahuan dari Imam Abu Hanifah. Beliau juga menghasilkan karya iaitu sebanyak 23 buah karya yang

utama. Kebanyakan karya ini merupakan karya akidah disamping terdapat satu karya hadis(*musnad*) dan 3 lagi risalah kecil dalam bidang fiqh (Abu Zahrah,1997).

Kesungguhan dan pengiktirafan terhadap Imam Abu Hanifah sebagai sarjana awal yang menghasilkan karya pendidikan merupakan sumbangan yang besar bukan sahaja dalam zaman kehidupan beliau tetapi sehingga zaman kini kerana idea dan kitab beliau menjadi warisan bernilai kepada umat Islam (Mohd Anuar Mamat, 2016).

1.7.2 Teori Pendidikan Imam Abu Hanifah

Teori pendidikan Imam Abu Hanifah merangkumi kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan untuk memudahkan murid memahami isi pelajaran yang ingin disampaikan. Matlamat pembelajaran yang disasarkan akan tercapai dengan gabungan kedua-dua aspek ini. Aktiviti mengajar atau disebut pengajaran merupakan perbincangan yang penting dalam pendidikan Imam Abu Hanifah menyampaikan ilmu kepada pelajarnya dengan kepelbagaian kaedah dan tidak tertumpu kepada cara penyampaian sehala (*one way*) (Mohd Anuar Mamat, 2016). Ianya merujuk kepada penggunaan kaedah dan teknik pengajaran Imam Abu Hanifah berdasarkan buku beliau *al A'lim wa al Mutaa'llim*.

Penglibatan aktif Imam Abu Hanifah sepanjang hidup beliau ialah dalam bidang pendidikan dan mengembangkan ilmu-ilmu Islam melalui pendekatan dalam pengajarannya. Pemilihan teori ini adalah kerana Imam Abu Hanifah telah diakui oleh sarjana Islam dan pengiktirafan ketokohan beliau dalam pelbagai lapangan ilmu seperti



fiqh (Abu Zahrah, 1978), akidah (Iblagh, 1971) dan juga pendidikan (Ayman, 2008, Mohd Anuar, 2016). Buku yang beliau hasilkan memaparkan catatan dialog antara Imam Abu Hanifah dengan salah seorang murid beliau iaitu Abu Mu'ti. Ianya turut mengandungi beberapa perbincangan berkaitan falsafah pendidikan dan kaedah pengajaran (Mohd Anuar, 2016). Oleh itu kitab ini menjadi rujukan utama untuk mengetahui adab, etika, falsafah dan teknik serta kaedah pengajaran yang diamalkan sendiri oleh Imam Abu Hanifah.


Imam Abu Hanifah telah menggunakan kaedah berpusatkan murid dalam sesi pengajarannya Beliau menggunakan kaedah pengajaran dengan menyampaikan ilmu dan menjadikan majlis ilmu tersebut sebagai tempat perbincangan bersama para pelajarnya untuk mengutarakan pendapat serta alasan dalam sesuatu isu yang dibangkitkan bagi mengukuh dan memantapkan ilmu mereka. Dalam sesi perbincangan yang diwujudkan oleh beliau, mereka dapat berbincang dan menerima pendapat muridnya melalui soal jawab dan perbincangan dalam kumpulan. Menurut Mohd Anuar (2016), pemikiran pendidikan Imam Abu Hanifah dalam bukunya *al A'lim wa al Mutaa'llim* sememangnya mendapat pengiktirafan dari sarjana agama. Pengiktirafan ini merujuk kepada penggunaan kaedah dan teknik pengajaran yang sebaik-baik kaedah.

Tujuan utama dalam teori pendidikan Imam Abu Hanifah ialah untuk mendapatkan dan memperoleh ilmu pengetahuan yang lengkap dan benar. Hasil dari penguasaan ilmu dan kefahaman tersebut dapat meningkatkan kualiti amalan. Justeru penguasaan ilmu pengetahuan berkaitan sesuatu perkara hanya dapat diperoleh melalui teknik pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar. Maka Imam Abu Hanifah menggariskan tujuan tersebut sebagai kayu ukur bagi mengukur tahap kejayaan pelajar



dan pengajar dalam ilmu dan amal. Kaedah yang dapat dilihat secara jelas dalam buku *al A'lim wa al Muta'illim* ini ialah berkaitan pelaksanaan kaedah berpusatkan murid yang merangkumi kaedah perbincangan, soal jawab, qiyas sama ada mendatangkan qiyas yang hampir dengan persepsi pelajar, mempelbagaikan qiyas dan objeknya atau mendatangkan qiyas yang logik dan munasabah.

Imam Abu Hanifah tidak menggalakkan para pelajarnya bersikap mengikut semata-mata apa yang diajarkan oleh Imam Abu Hanifah tetapi perlu berfikir terbuka dan membuka ruang perbincangan antara guru dan murid-muridnya. Mereka bebas berfikir untuk mencari penyelesaian bagi persoalan-persoalan yang berlaku. Mereka juga dibenarkan membantah pendapat Imam Abu Hanifah yang bertentangan dengan Al Quran dan Al Sunnah tetapi mestilah disertai dengan akal yang bersih dari segala bentuk pengaruh. (Ahmad Mohd Salleh, 1999).



Rajah 1.1. Adaptasi Model Pendidikan Imam Abu Hanifah dari Buku *Al Alim wa Al Mutaallim* (Mohd Anuar Mamat, 2016).

Rajah di atas menunjukkan rangka teori pengajaran Imam Abu Hanifah yang menunjukkan guru merupakan muallim atau tenaga pengajar yang berperanan sebagai



penyampai ilmu pengetahuan. Peranan seorang guru dalam menyampaikan sesuatu pengetahuan sangat penting bagi menentukan keberkesanan samada pengetahuan tersebut dapat dikuasai oleh murid ataupun tidak. Bagi merealisasikan peranan guru dalam menyampaikan pengetahuan kepada murid, guru perlu menggunakan kaedah yang pelbagai merangkumi teknik-teknik yang bersesuaian. Imam Abu Hanifah telah menggunakan kaedah berpusatkan murid. Antara kaedah berpusatkan murid yang digunakan oleh beliau ialah kaedah perbincangan bersama muridnya (Abu Zahrah, 1997).

Halaqah guru dan murid akan melibatkan sesi perbincangan antara guru dan murid apabila terdapat persoalan-persoalan atau permasalahan- permasalahan baru yang timbul. Sesi perbincangan ini dengan pelaksanaan teknik soal jawab dan perdebatan antara mereka dapat mengukuhkan hujah-hujah berkaitan masalah tersebut. Hal ini ternyata dapat memantapkan ilmu dan pengetahuan muridnya dalam membina kemenjadian murid yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi bukan berdasarkan ikutan terhadap pendapat guru mereka semata-mata (Tarikuddin Hasan, 2003).

Melalui kaedah dan teknik pengajaran guru yang berkesan, sesuatu ilmu dan pengetahuan akan dapat dikuasai oleh murid. Murid akan dapat menguasai pengetahuan tersebut dengan lebih mendalam. Dalam pelajaran hadis yang dilaksanakan oleh Imam Abu Hanifah, beliau akan membentangkan hadis tersebut dan berbincang bersama-sama muridnya. Beliau akan bermunaqasyah (berbincang) dan mencari sebab atau illah bagi sesuatu hukum yang sesuai dengan permasalahan yang timbul. Hal ini merupakan tujuan pendidikan yang telah digariskan oleh Imam Abu Hanifah iaitu dapat memperoleh ilmu dan menguasainya dengan pemahaman yang benar dan tepat (Mohd Anuar Mamat, 2016). Bahkan generasi yang mempunyai ilmu pengetahuan,






berpandangan yang luas dan mempunyai kebijaksanaan dalam berfikir dan berhujah serta tidak bergantung kepada pendapat gurunya sahaja telah dapat dilahirkan dalam masyarakat seperti Imam Muhammad bin Hasan Al Syaibani dan Imam Abu Yusuf (Tarikuddin Hasan, 2003).

Dari segi amalan, Imam Abu Hanifah telah menggariskan bahawa amalan yang benar adalah merupakan salah satu tujuan pendidikan yang perlu dicapai. Beliau menetapkan bahawa hasil dari pengetahuan dan kefahaman yang benar akan membuahkan aspek amalan yang bertepatan dengan syariat. Amalan yang bertepatan dengan apa yang dipelajari samada berkaitan hubungan dengan Allah atau hubungan sesama manusia dapat meningkatkan kualiti kehidupan manusia (Mohd Anuar Mamat, 2016). Sebagai seorang guru, Imam Abu Hanifah telah menunjukkan tauladan yang mulia dalam mendidik muridnya. Beliau menerima sesiapa sahaja yang ingin menuntut ilmu pengetahuan tanpa mengira status dan bangsa seseorang kerana semua murid berhak untuk belajar dan berjaya. Beliau juga sanggup menanggung perbelanjaan hidup muridnya yang miskin seperti yang dilakukan oleh beliau kepada muridnya yang terkenal Imam Muhammad bin Hasan al Syaibani. Hal ini menyebabkan masjid Baghdad sentiasa dipenuhi oleh murid-murid Imam Abu Hanifah yang datang untuk mempelajari ilmu pengetahuan dari pelbagai negara. Bilangan murid beliau juga sering bertambah kerana ketinggian peribadi dan akhlak yang ditonjolkan oleh beliau (Ahmad Mohd Salleh, 2000).



1.7.3 Model Pembelajaran Kooperatif Slavin

Pembelajaran Kooperatif menurut Slavin (1995) menumpukan kepada konsep asas dalam pelaksanaan pembelajaran dalam kumpulan kecil yang melibatkan empat hingga lima orang murid. Pembelajaran kooperatif menurut Slavin (1995) adalah pembelajaran yang dijalankan dalam kumpulan-kumpulan kecil yang terdiri dari empat hingga lima ahli dengan memberi perhatian kepada kepelbagaian ahli kumpulan untuk pelajar bekerjasama dan menyelesaikan masalah melalui interaksi sosial dengan rakan sebaya, memberi peluang kepada pelajar untuk belajar sesuatu dengan baik pada masa yang sama dan menjadi orang sumber untuk rakan lain.




Rajah 1.2. Model Pembelajaran Kooperatif Slavin, 1995.

Berdasarkan model pembelajaran kooperatif Slavin (1995) dalam rajah 1.2 di atas, penggunaan pengajaran berasaskan pembelajaran kooperatif dapat meningkatkan keberkesanan motivasi dan kognitif murid dan meningkatkan penguasaan konsep-konsep yang susah. Penglibatan murid dalam proses pengajaran dalam kelas merupakan salah satu faktor penting bagi memastikan hasil pembelajaran yang berkesan dalam pencapaian akademik. Justeru, pembelajaran kooperatif merupakan salah satu kaedah

pembelajaran yang menyumbang kepada peningkatan hasil pembelajaran dan pencapaian.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dirumus sebagai panduan pengkaji dalam kajian ini agar pengolahan data dan analisisnya dapat dijalankan dengan mudah.



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian Amalan Pengajaran berasaskan Pembelajaran Koperatif dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah. Adaptasi daripada Teori Pengajaran Imam Abu Hanifah (2016) & Model Pembelajaran Koperatif Slavin (1995).



Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang terdiri daripada pembolehubah-pembolehubah yang diukur dalam kajian ini yang terbahagi kepada pengetahuan, kemahiran dan amalan guru dalam pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif.

Komponen pengetahuan ditentukan oleh tiga pembolehubah iaitu konsep, teknik dan kaedah berkaitan pembelajaran koperatif. Komponen kemahiran merangkumi dua pembolehubah iaitu perancangan dan pelaksanaan pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif. Manakala komponen amalan merangkumi tiga pembolehubah iaitu permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran. Selain itu kerangka konseptual ini juga menilai hubungan pembolehubah pengetahuan dengan amalan dan hubungan pembolehubah kemahiran dengan amalan dalam pelaksanaan pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif.

1.9 Kepentingan Kajian

Secara umumnya dalam kajian ini pengkaji ingin menyelidik amalan pengajaran guru Pendidikan Islam (GPI) dengan menggunakan konsep dan prinsip pembelajaran koperatif dalam bilik darjah supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid serta penggunaan kaedah pengajaran ini sesuai dengan pelaksanaan Pengajaran Abad Ke 21. Kajian ini diharapkan dapat menzahirkan perkara-perkara berikut;





Data-data saintifik dan maklumat yang berguna dapat diberi dan disalurkan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pengajaran Pendidikan Islam seperti KPM, JPN dan PPD supaya dapat memperbaiki kaedah pengajaran yang terbaik dan menjadi panduan dan rujukan dalam pembinaan modul-modul berkaitan pengajaran yang berbentuk koperatif yang sesuai dalam pendidikan Islam untuk kegunaan GPI sekolah menengah.

Menggalakkan ahli-ahli akademik, para penyelidik dan pemikir untuk meluaskan lagi kajian mengenai potensi pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif dalam membangunkan nilai-nilai positif dan akhlak dalam kalangan murid. Amalan GPI dalam pelaksanaan pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif di sekolah menengah. Kajian ini dapat digambarkan secara keseluruhan yang merupakan salah satu elemen pengajaran berpusatkan murid dalam kalangan GPI daerah Gombak.



Membantu GPI menyedari potensi pengajaran dan pembelajaran koperatif dalam pengajaran supaya mereka dapat mengaplikasi prinsip dan kaedah pengajaran ini mengikut kreativiti dan kesesuaian murid.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dikhususkan kepada pengajaran guru subjek Pendidikan Islam yang dilaksanakan berasaskan pembelajaran koperatif, tingkatan 1 hingga 5. Responden dalam kajian ini ialah guru yang mengajar dan pengkhususan dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah. Kajian ini memberi tumpuan kepada GPI daerah Gombak sahaja



kerana daerah ini merupakan antara daerah yang mempunyai ramai guru dan murid dalam negeri Selangor.

Kajian ini akan meneliti tahap pengetahuan GPI berkaitan prinsip dan konsep pelaksanaan pengajaran berasaskan koperatif dan hubungannya dengan amalan guru. Kajian ini juga meneliti tahap kemahiran GPI berkaitan pedagogi koperatif dari segi perancangan dan persediaan serta hubungannya dengan amalan guru dalam bilik darjah.

1.11 Definisi Operasi Kajian

Di dalam kajian ini, beberapa istilah digunakan untuk menerangkan operasi kajian ini supaya ia dapat difahami dan tidak disalahertikan. Istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

1.11.1 Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran merupakan proses memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran, pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat diaplikasikan dan seterusnya dikekalkan (Nurulhuda Ngasiman, 2014). Kamus Dewan Edisi Ke empat (2015) mendefinisikan koperatif sebagai proses kerjasama yang dihasilkan untuk memberi kebaikan kepada anggotanya. Manakala menurut Wan Hasmah Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah (2013) menyatakan bahawa pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif adalah satu pendekatan yang digunakan oleh guru untuk mendidik pelajar bekerjasama dalam kumpulan pelajar yang kecil,



saling membantu antara satu sama lain untuk memenuhi kehendak tugas individu atau kumpulan. Kaedah ini memerlukan pelajar saling berinteraksi dengan satu sama lain dan setiap antara mereka adalah saling kebergantungan .

Pengajaran berasaskan pembelajaran koperatif dalam konsep kajian ini merupakan kaedah pengajaran yang dilaksanakan dan memerlukan penglibatan murid secara dalam kumpulan. Kumpulan yang ahlinya kecil dapat membina dan memupuk Kerjasama dan komitmen berpasukan supaya matlamat pembelajaran dapat dicapai secara bersama. Ahli kumpulan yang sedikit memudahkan guru mengawal dan memantau aktiviti yang dilakukan murid. Aspek kepelbagaian aras kognitif dan pencapaian juga diambilkira supaya dapat berkongsi dan bertukar-tukar idea. Melalui interaksi yang berlaku secara bersemuka dengan rakan sebaya juga dapat meningkatkan keyakinan diri murid dalam menyelesaikan masalah. Dengan penglibatan murid secara langsung dengan ahli kumpulan membuka peluang kepada murid untuk mereka belajar sesuatu dan berkongsi pengetahuan dan sumber.

1.11.2 Pengetahuan

Pengetahuan merujuk kepada maksud maklum akan keadaan sebenar, faham, mengerti, pandai, bijak, menyedari, meyakini (Hussain Awang ,1994), maklumat atau kemahiran-kemahiran yang diperoleh melalui pengalaman dan pendidikan atau pengetahuan seseorang mengenai sesuatu fakta yang tertentu dan khusus (Sally, 2005). Pengetahuan juga ditafsirkan sebagai *true belief* iaitu elemen kognitif yang sangat penting kepada hampir semua institusi agama atau kemungkinan pada semua agama (Mircea,1987).





David Hume berpendapat pengetahuan individu adalah hasil dari campuran, pertukaran, penambahan atau penyusutan bahan-bahan yang ada dalam diri, deria dan pengalaman manusia. Sumber pengetahuan adalah idea dan impression. Idea adalah apa yang disebut sebagai pemikiran manakala impression persalinan dari memori dan imaginasi. Kedua-duanya datang dari pengalaman manusia atau individu itu sendiri melalui proses-proses yang dijalani dalam hidupnya (Moser & Vander,1995). Pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang guru disamping kaedah penyampaian yang menarik sangat penting menurut Shulman (1987). Ia merupakan gabungan yang kuat supaya murid-murid dapat belajar dan menerima pembelajaran secara efektif dan berkesan. Oleh itu pengetahuan yang dikuasai guru adalah merupakan faktor kejayaan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.



Manakala Ibnu Khaldun mendefinisikan pengetahuan itu sebagai ilmu tentang sesuatu yang dapat dipelajari oleh manusia sama ada menggunakan akal fikiran, pancaindera, pengalaman-pengalaman, mahupun dengan pertolongan wahyu Ilahi. Manakala Syed Naquib Al-Attas (1990) mendefinisikan ilmu sebagai ketibaan sesuatu makna ke dalam jiwa seseorang hasil daripada maklumat atau ketibaan oleh hati tentang makna sesuatu. Ilmu merupakan suatu sistem yang menghasilkan kebenaran dan salah satu daripada usaha manusia untuk memperadabkan dirinya (memajukan tingkat kehidupan manusia daripada aspek jasmani dan rohani).

Menurut Ibn Rusyd, pengetahuan yang tertinggi ialah pengetahuan tentang wujudnya kehidupan roh yang boleh mendorong manusia kepada pengetahuan berkaitan kebahagiaan yang sebenar selepas kematian. Menurut Azman Ismail et al. (2007) pengetahuan merupakan fakta yang menjadi asas kepada pembangunan kemahiran dan kebolehan. Untuk tujuan kajian ini, mengetahui perkara-perkara





mengenai kaedah, teknik dan cara pengajaran guru supaya pengajaran dan pembelajaran koperatif dapat terlaksana dan dihasilkan di dalam kelas.

1.11.3 Kemahiran

Kemahiran mengajar merupakan perkara penting dalam komponen keperluan guru menurut Dunkin dan Biddle (1974), Atan Long (1978) dan Mustaqim (2001). Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Seseorang guru perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran. Kemahiran mengajar atau *teaching skills* meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran-kemahiran tersebut membantu guru meningkatkan kualiti pengajaran dan menarik minat murid untuk fokus dalam bilik darjah (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri, 2007) . Kemahiran pengajaran dalam kajian ini ialah kebolehan yang dimiliki oleh GPI yang menjadikannya pintar, pandai dan cekap dalam melaksanakan pengajaran berasaskan koperatif. Tahap kemahiran seseorang guru itu adalah bergantung kepada kekerapan seseorang guru menggunakan kaedah tersebut dalam usaha melatih dirinya sehingga mahir. Kemahiran yang diperoleh akan dapat membantu seseorang menjadi guru yang dapat meningkatkan kualiti pembelajaran murid.





1.11.4 Amalan

Menurut Nurdin Usman (2002), amalan adalah suatu tindakan atau pelaksanaan yang memerlukan aktiviti yang dapat disesuaikan. Amalan pengajaran adalah satu usaha ke arah mempertingkatkan dan memperkembangkan potensi diri murid dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial seseorang. Pengajaran juga berupaya menambah kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman murid supaya dapat memberi kegembiraan, faedah dan kemajuan dalam kehidupan.

Maka guru mestilah berusaha merancang, melaksana dan membuat penilaian sesi pengajaran supaya objektif tersebut dapat dicapai (Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail, 2013). Justeru amalan pengajaran yang dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan penggunaan konsep pembelajaran koperatif seperti belajar secara berkumpulan dalam bilangan yang kecil, bekerjasama dalam satu kumpulan di dalam bilik darjah.

1.12 Penutup

Dalam bab ini pengkaji menghuraikan tentang latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang mendorong supaya kajian ini dilaksanakan. Pengkaji juga menghuraikan tentang objektif dan persoalan serta hipotesis kajian yang mendasari kajian ini. Selain itu kerangka konseptual yang membantu menggambarkan sudut kajian ini dilaksanakan selain dari huraian berkaitan kepentingan dan batasan kajian. Akhir sekali huraian berkaitan definisi operasi kajian turut dihuraikan dengan lebih terperinci.

